

## Financial Ratios Effects Toward Stock Prices of Companies Listed on Kompas 100 From 2015 to 2017

Yusnita Octafilia<sup>1</sup>, Teddy Oktavianus<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Pelita Indonesia, Pekanbaru, Indonesia*

Email: yoctafilia.pelitaindonesia@yahoo.com

<sup>2</sup>*Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Pelita Indonesia, Pekanbaru, Indonesia*

Email: teddy.oktavianus11@yahoo.com

### Abstract

*The aim to the study is to find out the effects of the financial ratio on the prices of the stocks of compass index 100 companies listed in Indonesia Stock Exchange in the 2015-2017, the financial ratio under study included: return on assets (ROA), current ratio (CR), debt to equity ratio (DER), total assets turnover (TATO), and price earnings ratio (PER). The research population comprised compass index 100 companies listed in Indonesia Stock Exchange from 2015 to 2017. The sample, consisting of 95 compass index 100 companies, was selected by means of the purposive sampling technique. This study uses multiple linear regression analysis. The results showed that return on assets (ROA), current ratio (CR) & total assets turnover (TATO) had a significant positive effect on stock prices, while the debt to equity ratio (DER) & price earnings ratio (PER) had no effect on stock price.*

**Keywords:** Current Ratio (CR), Debt to Equity Ratio (DER), Price Earnings Ratio (PER), Stock Price. Return On Assets (ROA), Total Assets Turnover (TATO),

## Pengaruh Risiko Kewangan Terhadap Harga Saham Indeks Kompas 100 Bagi Tahun 2015 Hingga 2017

### Abstrak

*Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pengaruh nisbah kewangan terhadap harga saham syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI) bagi tempoh 2015 hingga 2017. Nisbah kewangan yang dikaji adalah: return on assets (ROA), current ratio (CR), debt to equity ratio syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI) pada tahun 2015 hingga 2017. Sampel kajian adalah sebanyak 95 syarikat Indeks Kompas 100 dengan menggunakan teknik purposive sampling. Kajian ini menggunakan analisis regresi linier berganda. Hasil kajian menunjukkan bahawa return on assets (ROA), current ratio (CR) & total assets turnover (TATO) mempunyai pengaruh positif yang signifikan terhadap harga saham, sedangkan debt to equity ratio (DER) & price earnings ratio (PER) tidak mempunyai pengaruh terhadap harga saham.*

**Kata Kunci:** Return on assets (ROA), current ratio (CR), debt to equity ratio (DER), total assets turnover (TATO) dan price earning ratio (PER), harga saham.


## 1.0 Pendahuluan

Pasaran modal di Indonesia telah berkembang pesat sehingga membawa kemajuan di pelbagai bidang yang berkaitan dengan pasaran modal. Setiap pelaku di pasaran modal memerlukan suatu mekanisma untuk melakukan analisis dalam pembuatan keputusan pelaburan; samada untuk membeli atau menjual saham di bursa efek. Syarikat *go public* adalah syarikat yang disenaraikan di Bursa Efek yang menawarkan sahamnya kepada pelabur. Ia juga dikenali sebagai emiten atau *issuer*. Di Bursa Efek Indonesia (BEI) terdapat 11 jenis indeks harga saham iaitu, Indeks Harga Saham Individual (IHSI), Indeks Harga Saham Sektoral (IHSS), Indeks Harga Saham Gabungan (IHSG), Indeks LQ45, Jakarta Islamic Index (JII), Indeks Kompas-100, Indeks Bisnis-27, Indeks Pefindo-25, Indeks Sri-kehati, Indeks Papan Utama, dan Indeks Papan Pengembangan ([www.sahamok.com](http://www.sahamok.com)).

Salah satunya adalah Indeks Kompas 100 yang merupakan suatu indeks saham dari 100 syarikat yang terbaik, dari 100 saham syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI). Indeks Kompas 100 ini secara rasmi diterbitkan oleh Bursa Efek Indonesia (BEI) bekerjasama dengan koran Kompas pada hari Jumaat bersamaan 10 Ogos 2007. Saham-saham yang terpilih untuk dimasukkan dalam Indeks Kompas 100 ini selain memiliki kecairan aset yang tinggi, serta nilai modal pasaran yang besar, ia juga merupakan saham-saham yang memiliki asas dan prestasi yang baik. Saham-saham yang tergolong dalam Kompas 100 mewakili sekitar 70-80% dari jumlah Rp. 1.582 triliun dari nilai keseluruhan pasaran modal saham yang disenaraikan di BEI. Oleh itu, pelabur boleh melihat kecenderungan arah pergerakan indeks Kompas 100. Walau bagaimanapun, nilai ini boleh menjadi berlawanan arah dengan Indeks Harga Saham Gabungan (IHSG) termasuk indeks-indeks lain. Indeks Kompas 100 kebiasaannya dinilai pada setiap semester iaitu enam (6) bulan dan dipaparkan pada website BEI pada setiap tempoh yang berkaitan.

Penerbitan Indeks Kompas 100 adalah untuk menyebarkan maklumat pasaran modal serta menggalakkan masyarakat untuk mengambil manfaat dari kewujudan BEI, baik untuk pelabur mahu pun syarikat dalam memacu ekonomi negara. Kewujudan indeks ini adalah untuk menyediakan suatu medium baru bagi pelabur untuk melihat prestasi portfolio pelaburan mereka. Pihak yang terlibat dalam industri pasaran modal juga akan memiliki medium baru dalam mencipta produk-produk inovasi yang berasaskan indeks.


**Gambar 1:** Harga Saham Tahun 2014 – 2017



Sumber: [www.idx.co.id](http://www.idx.co.id) dan [www.investing.com](http://www.investing.com) (data olahan), 2018.

Daripada gambar 1 dapat dilihat harga saham bagi tahun 2014 hingga 2017, dimana harga saham Indeks Kompas 100 lebih tinggi dari LQ45, JII dan Sri Kehati. Harga saham Indeks Kompas 100 dari tahun 2014 hingga 2017 adalah 1073.47, 1051.42, 1084.77 dan 1212.45. Harga saham Indeks Kompas 100 pada tahun 2014 ke 2015 menurun sebanyak 22.05 poin dengan 2%, tahun 2015 ke 2016 meningkat sebanyak 33.35 poin dengan 3.1%, tahun 2016 ke 2017 meningkat sebanyak 127.68 poin dengan 10.5%. Hanya di tahun 2014 ke 2015, harga saham Indeks Kompas 100 mengalami penurunan sedangkan pada tahun 2015 ke 2016 dan 2016 ke 2017, ia mengalami peningkatan.

**Gambar 2:** Jumlah Perdagangan Tahun 2014 - 2015



Sumber: [www.investing.com](http://www.investing.com) (data olahan), 2018.

Daripada gambar 2 dapat dilihat jumlah perdagangan bagi tahun 2014 – 2015, dimana jumlah penjualan Indeks Kompas 100 juga lebih tinggi dibandingkan dengan LQ45, JII dan Sri Kehati. Jumlah penjualan dari tahun 2014 hingga 2017 adalah 51.93, 48.10, 70.48 dan 77.50. Jumlah penjualan Indeks Kompas 100 di tahun 2014 ke 2015 menurun sebanyak 3.83 poin dengan 7.9%, tahun 2015 ke 2016 meningkat sebanyak 22.38 poin dengan 31.8%, tahun 2016 ke 2017 meningkat sebanyak 7.02 poin dengan 9%. Jumlah penjualan Indeks Kompas 100 dari 2014 ke 2015 juga mengalami penurunan. Walau bagaimanapun, untuk tahun 2015 ke 2016 dan 2016 ke 2017 data menunjukkan peningkatan yang signifikan. Bagi syarikat Indeks Kompas 100, harga saham dan jumlah penjualan pada tahun 2014 dan 2015 adalah lebih tinggi berbanding yang lain iaitu LQ45, JII dan Sri Kehati. Daripada data dapat dilihat, penurunan harga saham hanya berlaku di tahun 2015, ia kembali meningkat di tahun-tahun seterusnya.

Dalam membuat keputusan dalam pelaburan saham, para pelabur memerlukan pertimbangan yang baik melalui sumber maklumat yang tepat. Banyak faktor-faktor yang dapat mempengaruhi harga saham suatu syarikat dan ini termasuklah faktor luaran dan faktor dari dalaman syarikat. Para pelabur akan mempertimbangkan beberapa alternatif untuk memastikan apakah saham yang dipilih mendatangkan keuntungan atau tidak pada masa depan.

Dalam menentukan pelaburan, selain laba, pelabur juga harus mengambilkira risiko yang bakal dihadapi daripada pelaburan tersebut. Para pelabur harus mengambilkira risiko kerugian atau risiko lain yang bakal dihadapi sepanjang proses pelaburan. Oleh kerana itu, adalah sangat penting bagi pelabur untuk mendapatkan maklumat asas syarikat. Analisis asas

syarikat dapat menggambarkan kekuatan dan kelemahan terhadap prestasi kewangan syarikat dan ia dapat diterjemahkan melalui nisbah-nisbah kewangan.

Analisis pada dasarnya adalah dengan melakukan analisis historis atas kekuatan kewangan dari suatu syarikat (*company analysis*). Data historis mencerminkan keadaan kewangan pada tempoh terdahulu yang digunakan sebagai dasar untuk menjangkakan keadaan kewangan syarikat di masa depan. Daripada analisis tersebut, para pelabur akan mempelajari laporan kewangan syarikat dengan tujuan untuk menganalisis prestasi syarikat dengan mengetahui kekuatan dan kelemahannya, mengenalpasti kecenderungan dan menilai keberkesanan operasi serta memahami operasi syarikat.

Di dalam analisis terdapat nisbah kewangan yang dapat mencerminkan keadaan dan prestasi kewangan atau prestasi syarikat dan ia dapat menjelaskan kekuatan dan kelemahan kewangan syarikat. Nisbah ini terdiri daripada nisbah keuntungan, kecairan, solvensi, kecekapan aset dan pasaran. Kelima-lima nisbah ini mewakili setiap jenis nisbah iaitu: *Return On Assets* (ROA), *Current Ratio* (CR), *Debt to Equity Ratio* (DER), *Total Assets Turnover* (TATO), dan *Price Earning Ratio* (PER).

*Return On Asset* merupakan nisbah keuntungan yang digunakan untuk mengukur kemampuan syarikat dalam menghasilkan laba daripada pelaburan. Kajian yang dilakukan oleh Nuraidawati (2018) dan Suharno (2016) menyatakan bahawa ROA berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham. Walau bagaimanapun kajian oleh Valentino dan Sularto (2013) menyatakan bahawa ROA tidak berpengaruh signifikan terhadap harga saham.

*Current Ratio* merupakan nisbah kecairan yang digunakan untuk mengukur kemampuan syarikat dalam membayar hutang. Kajian oleh Adipalguna dan Suarjaya (2016) dan Suharno (2016) menyatakan bahawa CR tidak berpengaruh terhadap harga saham. Walau bagaimanapun kajian oleh Rahmadewi dan Abundanti (2018) menyatakan bahawa CR berpengaruh negatif dan tidak signifikan terhadap harga saham.

*Debt to Equity Ratio* merupakan nisbah solvensi yang digunakan untuk menilai hutang dengan ekuiti. Nisbah ini berguna untuk mengetahui jumlah dana yang disediakan peminjam (kreditor) dengan pemilik syarikat. Nisbah ini juga berfungsi untuk mengetahui setiap rupiah modal sendiri yang dijadikan untuk jaminan hutang. Kajian yang dilakukan oleh Hutapea, Saerang dan Tulung (2017) menyatakan bahawa DER berpengaruh signifikan terhadap harga saham. Walau bagaimanapun Nuraidawati (2018) menyatakan bahawa DER berpengaruh negatif dan tidak signifikan terhadap harga saham. Kajian oleh Nugraha dan Sudaryanto (2016) menyatakan bahawa DER berpengaruh negatif dan signifikan terhadap harga saham. Hasil kajian Suharno (2016) menemukan bahawa DER tidak berpengaruh terhadap harga saham.

*Total Asset Turnover* merupakan nisbah kecekapan aset. Nisbah ini memperlihatkan tahap keaktifan pelaburan yang dilakukan oleh pihak pengurusan. Ini bermakna nisbah ini turut dapat menilai prestasi pengurusan dalam mengaktifkan modal sedia ada dan menghasilkan pendapatan daripada aset yang dimiliki. Kajian oleh Nuraidawati (2018) menyatakan bahawa TATO berpengaruh positif secara tidak signifikan terhadap harga saham. Kajian oleh Adipalguna dan Suarjaya (2016) menyatakan bahawa TATO berpengaruh positif signifikan terhadap harga saham. Manakala Hutapea, Saerang dan Tulung (2017) menyatakan bahawa TATO berpengaruh signifikan terhadap harga saham. Kajian oleh Nugraha dan Sudaryanto (2016) dan Suharno (2016) menemukan bahawa TATO berpengaruh negatif dan berpengaruh secara signifikan terhadap harga saham.

*Price Earning Ratio* merupakan nisbah pasaran yang menggambarkan kemampuan syarikat dalam menghasilkan laba dan PER memberi petunjuk tentang jangka yang diperlukan untuk mengembalikan dana pada tingkat harga saham dan keuntungan syarikat pada masa tertentu. Nisbah ini menggambarkan kesediaan pelabur untuk membayar jumlah tertentu untuk setiap perolehan laba syarikat. Kajian oleh Rahmadewi dan Abundanti (2018)

dan Suharno (2016) menyatakan bahawa PER berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham. Septinus (2017) turut menyatakan bahawa PER berpengaruh secara signifikan terhadap harga saham.

Berdasarkan latar belakang di atas, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh *Return On Assets* (ROA), *Current Ratio* (CR), *Debt to Equity Ratio* (DER), *Total Assets Turnover* (TATO), dan *Price Earning Ratio* (PER) terhadap harga saham pada syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI) pada tahun 2015 hingga 2017.

## **2.0 TINJAUAN PUSTAKA**

### **2.1 Definisi Pasaran Modal**

Pasaran modal (*capital market*) merupakan tempat jual beli pelbagai instrumen kewangan jangka panjang, seperti hutang, ekuiti (saham), derivatif, dan sebagainya. Pasaran modal merupakan medium mendapatkan dana bagi syarikat mahu pun institusi lain (misalnya pihak kerajaan), dan sebagai medium bagi kegiatan pelaburan. Oleh yang demikian, pasaran modal menyediakan pelbagai perkhidmatan dan prasarana kegiatan jual beli dan kegiatan lain yang berkaitan.

### **2.2 Laporan Kewangan**

Menurut Standart Akuntansi Keuangan (SAK) 2015, laporan kewangan merupakan sebahagian dari proses pelaporan kewangan. Laporan yang lengkap biasanya meliputi laporan kedudukan kewangan, laporan pendapatan, laporan perubahan posisi kewangan (yang dapat dipersembahkan dalam berbagai cara misalnya laporan aliran tunai), nota akaun dan laporan lain yang memberi penjelasan yang merupakan sebahagian dari laporan kewangan. Secara umum, laporan kewangan adalah catatan informasi kewangan suatu syarikat pada suatu tempoh kewangan yang dapat digunakan untuk menggambarkan prestasi syarikat tersebut.

Menurut Kasmir (2013:7), laporan kewangan adalah laporan yang menunjukkan keadaan kewangan syarikat pada suatu tempoh. Munawir (2012:11) menambah bahawa laporan kewangan pada dasarnya adalah hasil dari proses perakaunan yang dapat digunakan sebagai alat untuk mengkomunikasikan antara data kewangan atau aset sesebuah syarikat dengan pihak yang berkepentingan. Hanafi dan Halim (2009:49) berpendapat bahawa laporan kewangan merupakan salah satu sumber maklumat yang penting disamping maklumat lain seperti maklumat industri, keadaan ekonomi, saham syarikat, kualiti pihak pengurusan dan lain-lain.

Dengan demikian laporan kewangan adalah alat untuk mengkomunikasi antara data kewangan dan aset sesebuah syarikat untuk menunjukkan keadaan kewangan bagi tempoh tertentu dan sebagai salah satu sumber maklumat.

### **2.3 Harga Saham**

Harga saham merupakan harga penutupan pasaran saham selama tempoh pemerhatian untuk setiap jenis saham yang dijadikan sampel dan pergerakannya senantiasa diamati oleh pelabur. Harga saham merupakan nilai pasaran bagi seunit saham bagi sebuah syarikat pada waktu tertentu. Sunariyah (2011:180) mendefinisikan bahawa harga saham ditentukan dan dibentuk oleh mekanisme pasaran modal. Brigham dan Houston (2010:7) mengemukakan bahawa harga saham menentukan kekayaan pemegang saham. Kekayaan maksimum pemegang saham diterjemahkan sebagai harga saham syarikat yang maksimum. Harga saham



pada waktu tertentu bergantung pada aliran tunai yang diharapkan diterima di masa depan oleh pelabur sewaktu pelabur membeli saham. Darmaji dan Fakhruddin (2012:102) mengatakan bahawa harga saham adalah harga yang dicatatkan di bursa pada waktu tertentu. Harga saham boleh berubah naik dan turun dalam tempoh yang cepat. Ia dapat berubah dalam seminit bahkan dapat berubah dalam kiraan saat. Ini terjadi kerana permintaan dan penawaran antara pembeli dan penjual saham.

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa harga saham merujuk kepada harga suatu saham yang di bursa yang harganya boleh berubah dan ia bergantung kepada permintaan dan penawaran antara pembeli dan penjual. Harga saham menentukan kekayaan pemegang saham.

## **2.4 Nisbah Keuangan**

Nisbah kewangan merupakan kegiatan membandingkan angka-angka yang ada di laporan kewangan dengan cara membahagi satu angka dengan angka lainnya. Perbandingan dapat dilakukan antara satu komponen dengan komponen lain dalam satu laporan kewangan atau antara komponen yang ada di antara laporan kewangan. Kemudian angka yang dibandingkan merujuk kepada nilai yang terhasil dalam suatu tempoh.

Nisbah kewangan atau *financial ratio* ini sangat penting untuk melakukan analisa terhadap keadaan kewangan syarikat. Bagi pelabur jangka pendek dan menengah pada umumnya lebih banyak tertarik kepada keadaan kewangan jangka pendek dan kemampuan syarikat untuk membayar dividen yang sesuai. Maklumat tersebut dapat diketahui dengan cara yang lebih sederhana iaitu dengan menghitung nisbah kewangan yang sesuai dengan keinginan (Fahmi, 2011:107).

Harahap (2013:197) mengatakan bahawa nisbah kewangan merupakan angka yang diperoleh dari hasil perbandingan satu tempoh laporan kewangan dengan tempoh lainnya yang mempunyai hubungan yang relevan dan signifikan.

Kasmir (2010:93) turut mengatakan bahawa nisbah kewangan merupakan indeks yang menghubungkan dua angka perakaunan dan diperoleh dengan membahagi satu angka dengan angka lainnya. Nisbah kewangan digunakan untuk menilai keadaan kewangan dan prestasi syarikat.

Dari definisi yang di atas dapat disimpulkan bahawa nisbah kewangan adalah kegiatan yang membandingkan antara angka-angka pada setiap tempoh laporan kewangan dengan angka lainnya yang terdapat pada tempoh kewangan yang berbeza dan menghubungkan angka-angka perakaunan dan diperoleh dengan membahagi satu angka dengan angka lainnya untuk menilai keadaan kewangan dan prestasi syarikat.

## **3.0 Kerangka Kajian Dan Hipotesis**

### **3.1 Pengaruh *Return On Assets* Terhadap Harga Saham**

*Return On Assets* merupakan nisbah yang digunakan untuk membandingkan laba bersih setelah cukai terhadap jumlah aktiviti. Semakin tinggi *Return On Assets* menunjukkan semakin efisien operasi syarikat. *Return On Assets* turut dipengaruhi oleh jumlah aset, pelaburan syarikat, aktiviti operasi, dan lain-lain. *Return on assets* merupakan nisbah terpenting di antara nisbah keuntungan yang lain kerana nisbah ini menggambarkan bakal pulangan kepada pelabur. Indikator *Return on Assets* selalu digunakan untuk menilai prestasi syarikat untuk mengetahui sejauh mana aktiviti syarikat diurus untuk menghasilkan laba yang akan mempengaruhi peningkatan harga saham dan mampu memberikan pulangan yang sesuai kepada pelabur.

Kajian yang dilakukan oleh Nuraidawati (2018) dan Suharno (2016) menunjukkan bahwa ROA berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham. Walau bagaimanapun, kajian oleh Valentino dan Sularto (2013) menunjukkan bahawa ROA tidak berpengaruh signifikan terhadap harga saham.

H<sub>1</sub>: *Return On Assets* (ROA) berpengaruh terhadap harga saham pada syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI).

### **3.2 Pengaruh *Current Ratio* Terhadap Harga Saham**

*Current Ratio* (CR) adalah nisbah yang membandingkan antara aset semasa dan liabiliti semasa. *Current Ratio* menunjukkan kemampuan syarikat dalam memenuhi kewajipan kewangannya. *Current Ratio* yang tinggi menunjukkan jaminan yang lebih baik terhadap hutang jangka pendek dan risiko kecairan yang dialami syarikat mahu pun pelabur. Hal ini akan memberikan tanggapan positif mengenai prestasi syarikat yang baik kepada para pelabur.

Kajian yang dilakukan oleh Adipalguna dan Suarjaya (2016) dan Suharno (2016) menunjukkan bahawa CR tidak berpengaruh terhadap harga saham. Walau bagaimanapun, kajian oleh Rahmadewi dan Abundanti (2018) menunjukkan bahawa CR berpengaruh negatif dan tidak signifikan terhadap harga saham.

H<sub>2</sub>: *Current Ratio* (CR) berpengaruh terhadap harga saham pada syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia.

### **3.3 Pengaruh *Debt to Equity Ratio* Terhadap Harga Saham**

*Debt to Equity Ratio* menunjukkan struktur permodalan suatu syarikat, merupakan perbandingan antara jumlah hutang dengan ekuiti yang digunakan sebagai sumber dana syarikat. Semakin tinggi *Debt to Equity Ratio*, ia menunjukkan komposisi jumlah hutang (jangka pendek dan jangka panjang) yang semakin besar. Disisi lain, tingginya *Debt to Equity Ratio* berpunca daripada nilai modal yang dimiliki jauh lebih kecil dibandingkan dengan hutang dari pihak luar, sehingga menunjukkan semakin besar beban syarikat terhadap pihak luar (kreditur). Meningkatnya beban terhadap kreditur menunjukkan sumber modal syarikat sangat tergantung dengan pihak luar dan mencerminkan risiko syarikat yang relatif tinggi serta risiko yang harus ditanggung pelabur juga akan semakin tinggi, sehingga mengurangi minat pelabur dalam menambah modal dalam syarikat. Menurunnya minat pelabur akan memberi kesan kepada penurunan harga saham syarikat sehingga pulangan semakin menurun kerana pelabur cenderung untuk mengelak dari membeli saham syarikat yang memiliki *Debt to Equity Ratio* yang tinggi.

Kajian yang dilakukan oleh Hutapea, Saerang dan Tulung (2017) menunjukkan bahawa DER berpengaruh signifikan terhadap harga saham. Walau bagaimanapun, kajian oleh Nuraidawati (2018) menunjukkan bahawa DER berpengaruh negatif dan tidak signifikan terhadap harga saham. Menurut kajian oleh Nugraha dan Sudaryanto (2016), mereka mendapati bahawa DER berpengaruh negatif dan signifikan terhadap harga saham. Suharno (2016) pula menemui bahawa DER tidak berpengaruh terhadap harga saham.

H<sub>3</sub>: *Debt to Equity Ratio* (DER) berpengaruh terhadap harga saham pada syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI).

### **3.4 Pengaruh *Total Assets Turnover* Terhadap Harga Saham**

*Total Assets Turnover* merupakan perbandingan antara jumlah jualan bersih dengan jumlah aset. Semakin tinggi nilai *Total Assets Turnover* bermakna pusing ganti aset yang

dimiliki oleh syarikat semakin baik, dapat dikatakan dengan jumlah aset yang dimiliki syarikat mampu mendapatkan jualan bersih secara efektif dan efisien. Sehingga semakin tinggi nilai *Total Assets Turnover* maka pelabur akan semakin menyukai syarikat tersebut kerana syarikat dinilai sebagai mampu menguruskan aset secara maksima.

Kajian yang dilakukan oleh Nuraidawati (2018) menunjukkan bahawa TATO berpengaruh positif secara tidak signifikan terhadap harga saham. Manakala kajian oleh Adipalguna dan Suarjaya (2016) menunjukkan bahawa TATO berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham. Hutapea, Saerang dan Tulung (2017) menunjukkan bahawa TATO berpengaruh signifikan terhadap harga saham. Walau bagaimanapun, kajian oleh Nugraha dan Sudaryanto (2016) dan Suharno (2016) menunjukkan bahawa TATO berpengaruh negatif dan signifikan terhadap harga saham.

H<sub>4</sub>: *Total Assets Turnover* (TATO) berpengaruh terhadap harga saham pada syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI).

### 3.5 Pengaruh *Price Earning Ratio* Terhadap Harga Saham


*Price Earning Ratio* adalah perbandingan antara harga saham syarikat dengan keuntungan yang diperoleh oleh para pemegang saham. *Price Earning Ratio* merujuk kepada besarnya dana yang akan dikeluarkan oleh pelabur untuk memperoleh setiap rupiah laba syarikat. *Price Earning Ratio* yang tinggi menunjukkan saham tersebut semakin mahal, relatifnya terhadap pendapatan bersih per saham, demikian pula sebaliknya.

Semakin tinggi nisbah ini menunjukkan bahawa semakin tinggi minat para pelabur dalam menambah modalnya di sesebuah syarikat, sehingga harga saham syarikat tersebut juga akan meningkat. *Price Earning Ratio* dapat diertikan sebagai gambaran dari apresiasi pasaran terhadap kemampuan syarikat dalam menghasilkan laba. Dan juga sebagai ukuran nilai relatif syarikat kerana nilai *Price Earning Ratio* menunjukkan sejauh mana pelabur ingin membayar untuk memperoleh laba syarikat tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh Rahmadewi dan Abundanti (2018) dan Suharno (2016) menunjukkan bahawa PER berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham. Walau bagaimanapun, kajian oleh Septinus A.P.S (2017) menunjukkan bahawa PER juga berpengaruh signifikan terhadap harga saham.

H<sub>5</sub>: *Price Earning Ratio* berpengaruh terhadap harga saham pada syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI).

**Gambar 3:** Kerangka Penelitian



*Sumber: Hasil Olahan Peneliti, 2018.*



## **4.0 Kaedah Kajian**

### **4.1 Tempat Dan Waktu Kajian**

Kajian ini dilakukan terhadap syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia bagi tahun 2015-2017. Data diperoleh dari portal rasmi BEI iaitu [www.idx.co.id](http://www.idx.co.id) dan Investing. Kajian ini dilakukan pada bulan Oktober 2018 sehingga Februari 2019.

### **4.2 Populasi Dan Sampel**

Populasi yang digunakan dalam kajian ini adalah seluruh syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI) untuk tempoh 2013-2017 yang berjumlah 100 syarikat. Kaedah pemilihan sampel dilakukan dengan menggunakan teknik *purposive sampling*. Kriteria pemilihan sampel yang ditentukan adalah seperti berikut: (1) Merupakan syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia untuk tempoh Ogos 2018 hingga Januari 2019. (2) Syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI) sebelum tahun 2015. (3) Menerbitkan laporan kewangan bagi tempoh 2015-2017. Dari 100 syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di BEI, 5 syarikat disenaraikan di BEI di atas tahun 2015 dan tiada laporan kewangan antara tahun 2015-2017. Oleh kerana itu, jumlah sampel adalah 95 syarikat.

### **4.3 Jenis Dan Sumber Data**

Dalam kajian ini data yang digunakan adalah data sekunder, iaitu data yang telah dicatat oleh pihak lain yang dapat diperoleh melalui media tanpa melakukan pengumpulan data secara langsung. Data tersebut adalah data laporan kewangan yang diperoleh melalui website Bursa Efek Indonesia iaitu [www.idx.co.id](http://www.idx.co.id) dan Investing.

### **4.4 Definisi Pembolehubah Operasi**

#### **4.4.1 Return On Assets (ROA)**

Nisbah yang digunakan untuk mengukur keefisienan syarikat dalam penggunaan aset syarikat dalam menghasilkan laba.

$$ROA = \frac{\text{Laba bersih}}{\text{Jumlah Aset}}$$

Sumber: Brigham dan Houston (2012: 148)

#### **4.4.2 Current Ratio (CR)**

Nisbah yang mengukur kemampuan atau kesanggupan syarikat dalam memenuhi kewajipan jangka pendeknya.

$$CR = \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

Sumber: Husnan dan Pudjiastuti, (2012:74)

#### **4.4.3 Debt to Equity Ratio (DER)**

Nisbah untuk mengukur kemampuan syarikat dalam membiayai seluruh hutangnya dengan dana syarikat.

$$DER = \frac{\text{Jumlah Hutang}}{\text{Ekuiti}}$$

Sumber: Husnan dan Pudjiastuti, (2012:73)

#### **4.4.4 Total Assets Turnover (TATO)**

Nisbah yang mengukur tingkat keefisienan penggunaan keseluruhan aset syarikat dalam menghasilkan jualan.

$$TATO = \frac{\text{Jumlah jualan}}{\text{Jumlah aset}}$$

Sumber: Sartono, (2014:120)

#### **4.4.5 Price Earning Ratio (PER)**

Nisbah kewangan yang menunjukkan harga saham dibandingkan dengan pendapatan yang diterima.

$$PER = \frac{\text{Harga Saham}}{\text{Earning Per Share}}$$

Sumber: Tandelilin (2010:320)

### **4.5 SmartPLS 3.0**

Analisis data dalam kajian ini menggunakan Software Smart PLS 3.0 yang merupakan teknik statistik multivarian yang melakukan perbandingan antara pembolehubah bersandar berganda dan pembolehubah bebas berganda. PLS merupakan salah satu kaedah statistik SEM berasaskan varian yang dibentuk untuk menyelesaikan regresi berganda ketika terjadi permasalahan spesifik pada data.

Kebaikan dari PLS menurut Abdillah danJogiyanto dan (2009) adalah:

(1) Mampu memodelkan banyak pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas (model kompleks) (2) Mampu mengelola masalah multikolinearitas antara pembolehubah bebas (3) Hasil tetap jitu walaupun terdapat data yang tidak normal dan hilang (4) Dapat digunakan pada konstruk reflektif dan formatif (5) Dapat digunakan pada sampel kecil (6) Tidak mensyaratkan data bertaburan normal (7) Dapat digunakan pada data dengan jenis skala berbeza iaitu nominal, ordinal dan sebagainya.

Terdapat beberapa alasan yang menjadi penyebab PLS digunakan dalam suatu kajian. Dalam kajian ini alasan-alasan tersebut adalah: pertama, PLS merupakan kaedah analisa data yang membolehkan sampel kecil digunakan iaitu jumlah sampel yang kurang dari 100 dan sampel yang memiliki nilai residual yang besar. Kedua, PLS dapat digunakan untuk menganalisis teori yang masih dikatakan lemah kerana PLS dapat digunakan untuk prediksi. Ketiga, PLS tidak menggunakan andaian normaliti pada data yang menjadi sampel kajian.

### **4.6 Analisis Deskriptif**

Ujian statistik deskriptif merupakan proses transformasi data kajian dalam bentuk tabulasi (ringkasan, pengaturan, atau penyusunan data dalam bentuk jadual numerik dan grafik) sehingga mudah dipahami dan diinterpretasikan. Statistik deskriptif umumnya


digunakan dalam kajian untuk memberikan maklumat mengenai kriteria pembolehubah kajian yang utama. Ukuran yang digunakan dalam deskripsi adalah: purata, nilai maksimum, dan nilai minimum.

#### 4.7 Teknik Ujian Hipotesis

Kajian ini menggunakan konstruk undimensional dengan indikator formatif. Konstruk undimensional adalah konstruk yang dibentuk dari manifest pembolehubah dengan arah indikator dapat berbentuk formatif ataupun reflektif (Ghozali dan Latan, 2012) sedangkan konstruk dengan indikator formatif mengandaikan bahawa setiap indikatornya mendefinisikan atau menjelaskan karakteristik domain konstraknya (Ghozali dan Latan, 2012). Berdasarkan penjelasan tersebut, maka model di dalam kajian ini dapat digambarkan seperti gambar di bawah ini.

Untuk melakukan pengujian hipotesis berdasarkan model kajian seperti pada gambar di atas, menurut (Ghozali dan Latan, 2012) maka penilaian model dilakukan seperti gambar 4.

**Gambar 4:** Model Penelitian



Sumber: Hasil Olahan, 2018

#### 4.8 Model Pengukuran (*Outer Model*)

*Measurement model* atau model pengukuran adalah kajian yang dilakukan terhadap indikator yang membentuk pembolehubah laten eksogen. Model pengukuran ini menggunakan *confirmatory factor analysis* (CFA). Tujuan dari CFA adalah untuk mengetahui validiti dari indikator yang membentuk pembolehubah laten eksogen tersebut. Untuk konstruk reflektif, ia memerlukan ujian validiti dan realibiliti konstruk, sedangkan untuk konstruk formatif, pengukuran dilakukan hanya dengan melihat signifikansi *weight*nya saja. Oleh kerana kajian ini menggunakan konstruk formatif, maka yang perlu dilakukan dalam model pengukuran untuk kajian ini diantaranya (Ghozali dan Latan, 2012):

Memperoleh signifikansi *weight* melalui prosedur *bootstrapping*. Jika diperoleh nilai *p-value* < 0.05 maka dapat disimpulkan bahawa indikator konstruk adalah *valid*.

#### 4.9 Struktur Model (*Inner Model*)

Struktur Model merupakan pengujian hipotesis yang digunakan untuk menguji signifikansi pembolehlah laten eksogen (pembolehlah bebas) terhadap pembolehlah laten endogen (pembolehlah bersandar) dan nilai dari  $R^2$  (Ghozali dan Latan, 2012). Nilai  $R^2$  0.75 ; 0.50 dan 0.25 menunjukkan model kuat, sederhana dan lemah.

#### 4.10 Analisis Regresi Linear Berganda

Analisis regresi linear berganda adalah hubungan secara linier antara dua atau lebih pembolehlah bebas (X) dengan pembolehlah bersandar (Y). Analisis ini untuk mengetahui arah hubungan antara pembolehlah bebas dengan pembolehlah bersandar apakah pembolehlah bebas berhubungan positif atau negatif dan untuk menentukan nilai dari pembolehlah bersandar apabila nilai pembolehlah bebas mengalami kenaikan atau penurunan. Analisis ini untuk meneliti pengaruh pembolehlah bersandar (Y) iaitu harga saham terhadap pembolehlah bebas (X) iaitu *Return On Assets* (ROA), *Current Ratio* (CR), *Debt to Equity Ratio* (DER), *Total Assets Turnover* (TATO), dan *Price Earning Ratio* (PER).

Persamaan regresi linier berganda adalah seperti berikut:

$$Y = \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \epsilon$$

Keterangan :

Y	=	Harga Saham
A	=	Konstanta
$\beta_1 \beta_2 \beta_3 \beta_4 \beta_5$	=	Koefisien regresi
$X_1$	=	<i>Return On Assets</i> (ROA)
$X_2$	=	<i>Current Ratio</i> (CR)
$X_3$	=	<i>Debt to Equity Ratio</i> (DER)
$X_4$	=	<i>Total Assets Turnover</i> (TATO)
$X_5$	=	<i>Price Earning Ratio</i> (PER)
$\epsilon$	=	Error

#### 4.11 Ujian Koefisien Determinasi ( $R^2$ )

Ujian koefisien determinasi digunakan untuk mengukur peranan pembolehlah bebas secara silmutan dalam mempengaruhi perubahan yang terjadi pada pembolehlah bersandar dan nilainya di antara antara 0 dan 1. Ujian Koefisien Determinasi menguji nilai pembolehlah bebas X dapat menjelaskan pembolehlah bersandar Y. Semakin besar  $R^2$  bermakna semakin besar pembolehlah bersandar yang dapat dijelaskan oleh pembolehlah bebas. Dalam pengiraan statistik ini, nilai  $R^2$  yang digunakan adalah *adjusted R<sup>2</sup>* kerana pembolehlah bebas yang digunakan dalam kajian ini lebih dari dua. Pengujian nilai koefisien determinasi pada penelitian ini menggunakan program pengolahan data Software Smart PLS 3.0. Nilai koefisien ditentukan untuk tempoh 2015 hingga 2017.

Koefisien Determinasi sama dengan satu bererti pembolehlah bebas berpengaruh secara sempurna terhadap pembolehlah bersandar dan jika koefisien determinasi = 0 bermakna pembolehlah bebas tidak berpengaruh terhadap pembolehlah bersandar.

#### **4.12 Ujian Hipotesis (Uji t)**

Ujian hipotesis dapat dilakukan dengan pengujian individual atau parsial (Ujian t). Ujian t dilakukan untuk mengetahui apakah pembolehua bebas mempunyai pengaruh secara parsial atau secara individu terhadap pembolehua bersandar (terikat), iaitu pengaruh masing-masing terhadap pembolehua bebas yang terdiri daripada ROA, CR, DER, TATO, dan PER terhadap harga saham yang merupakan pembolehua bersandar. Adapun tahap untuk pengujian ini dilakukan sebagai berikut: (1) Merumuskan hipotesis (2) Menentukan tingkat signifikansi (3) Menentukan kriteria dengan membandingkan T hitung dengan T jadual dengan kriteria seperti berikut:

Jika  $T \text{ hitung} > T \text{ jadual}$ , maka  $H_0$  ditolak

Jika  $T \text{ hitung} < T \text{ jadual}$ , maka  $H_0$  diterima

### **5.0 Hasil Penelitian Dan Pembahasan**

#### **5.1 Return On Assets (ROA)**

*Return On Assets* merupakan kemampuan syarikat dalam menghasilkan laba dengan semua asset yang dimiliki syarikat. Laba yang dihasilkan adalah laba sebelum bunga dan cukai.

Nilai tertinggi *Return On Assets* dimiliki oleh syarikat adalah PT. Matahari Department Store Tbk (LPPF) pada tahun 2015 iaitu 0.4579. Nilai terendah *Return On Assets* dimiliki oleh perusahaan PT. Bumi Resources Tbk (BMRS) pada tahun 2015 iaitu -0.2857. Dan nilai purata *Return On Assets* nilai tertingginya adalah pada tahun 2017 dengan nilai 0.0670, nilai terendah *Return On Assets* iaitu pada tahun 2015 dengan nilai 0.0435.

Semakin tinggi *Return On Assets*, semakin tinggi kemampuan syarikat dalam menghasilkan laba. Jika *Return On Assets* syarikat semakin rendah, maka kemampuan syarikat dalam menghasilkan laba semakin rendah.

#### **5.2 Current Ratio (CR)**

*Current Ratio* adalah nisbah yang menunjukkan kemampuan suatu syarikat dalam membayar tanggungan jangka pendek atau hutang dengan aset syarikat.

Nilai tertinggi *Current Ratio* dimiliki oleh syarikat PT. Pool Advista Indonesia Tbk (POOL) pada tahun 2017 iaitu 28.3414, nilai terendah *Current Ratio* dimiliki oleh syarikat PT. Bumi Resources Minerals Tbk pada tahun 2015 iaitu 0.0107. Secara purata, nilai tertinggi *Current Ratio* iaitu pada tahun 2017 dengan nilai 2.3026, nilai terendah *Current Ratio* adalah pada tahun 2016 dengan nilai 1.9510.

Semakin tinggi *Current Ratio* syarikat, maka semakin baik kemampuan syarikat untuk membayar tanggungan jangka pendeknya. Jika *Current Ratio* syarikat semakin rendah, maka kemampuan syarikat untuk membayar kewajiban jangka pendeknya juga menjadi rendah.

#### **5.3 Debt to Equity Ratio (DER)**

Nisbah ini menunjukkan hubungan antara jumlah hutang jangka panjang dengan jumlah modal sendiri yang diberikan oleh pemilik syarikat untuk mengetahui dana yang disediakan kreditor dan pemilik syarikat.

Nilai tertinggi *Debt to Equity Ratio* dimiliki oleh syarikat PT. Trada Alam Mineral Tbk (TRAM) pada tahun 2016 iaitu 16.7488, nilai terendah *Debt to Equity Ratio* dimiliki oleh syarikat PT. Bumi Resources Tbk (BUMI) pada tahun 2015 iaitu -2.1685. Secara purata, nilai



*Debt to Equity Ratio* tertinggi adalah pada tahun 2015 dengan nilai 2.0886, nilai terendah *Debt to Equity Ratio* iaitu pada tahun 2017 dengan nilai 1.9515.

Semakin tinggi *Debt to Equity Ratio* syarikat, menunjukkan jumlah hutang semakin besar dibandingkan modal sendiri sehingga menunjukkan tanggungan besar syarikat terhadap pihak luar (kreditur) dan risiko relatifnya menjadi tinggi. Risiko ini turut ditanggung oleh pelabur. Jika *Debt to Equity Ratio* syarikat semakin rendah, ia menandakan hutang yang digunakan syarikat semakin kecil sehingga risiko yang ditanggung pelabur juga semakin kecil.

#### **5.4 Total Assets Turnover (TATO)**

*Total Assets Turnover* merupakan nisbah yang merujuk kepada keefisienan penggunaan jumlah aset syarikat.

Nilai tertinggi *Total Assets Turnover* dimiliki oleh syarikat PT. Erajaya Swasembada (ERAA) Tbk pada tahun 2016 iaitu 2.7674, nilai terendah *Total Assets Turnover Ratio* dimiliki oleh syarikat PT. Pool Advista Indonesia Tbk (POOL) pada tahun 2016 iaitu dengan nilai -0.0220. Secara purata, nilai *Total Assets Turnover* tertinggi adalah pada tahun 2015 dengan nilai 0.5914, nilai terendah *Total Assets Turnover* iaitu pada tahun 2016 dengan nilai 0.5681.

Semakin tinggi *Total Assets Turnover* syarikat, menunjukkan pusing ganti aset yang baik. Ia bermakna jumlah aset yang dimiliki syarikat mampu menjana jualan secara efektif dan efisien. Jika *Total Assets Turnover* syarikat semakin rendah menunjukkan bahawa jumlah aset yang dimiliki syarikat tidak mampu menjana jualan secara efektif dan efisien.

#### **5.5 Price Earning Ratio (PER)**

*Price Earning Ratio* merupakan nisbah yang digunakan oleh pelabur untuk memprediksi kemampuan syarikat dalam menghasilkan laba dimasa yang akan datang.

Nilai tertinggi *Price Earning Ratio* dimiliki oleh syarikat PT. Sitara Propertindo Tbk (TARA) pada tahun 2017 iaitu 19,500,0000, nilai terendah *Price Earning Ratio* dimiliki oleh syarikat PT. XL Axiata Tbk pada tahun 2015 iaitu -1,212,1212. Secara purata, nilai *Price Earning Ratio* tertinggi adalah pada tahun 2017 dengan nilai 222.7599, nilai terendah *Price Earning Ratio* iaitu pada tahun 2015 dengan nilai 14.8534.

Semakin tinggi *Price Earning Ratio* syarikat, menunjukkan kemampuan syarikat dalam menghasilkan laba yang dimasa akan datang semakin tinggi. Jika *Price Earning Ratio* syarikat semakin rendah, maka kemampuan syarikat dalam menghasilkan laba yang dimasa akan datang semakin rendah.

#### **5.6 Harga Saham**

Harga saham merupakan harga suatu saham pada pasaran yang berlangsung dibursa efek sebagai refleksi keputusan pelaburan, pendanaan dan pengurusan aset. Jenis harga saham yang digunakan dalam kajian berupa *closing price*, dimana harga saham penutupan harian yang dipuratakan.

Nilai tertinggi harga saham dimiliki oleh syarikat PT. Gudang Garam Tbk pada tahun 2017 iaitu 83.800, nilai terendah harga saham dimiliki oleh syarikat PT. PP Properti Tbk pada tahun 2015 iaitu 44. Secara purata, nilai harga saham tertinggi adalah pada tahun 2017 dengan nilai 4.884, nilai terendah harga saham adalah pada tahun 2017 dengan nilai 3.421.

Jika harga saham syarikat semakin tinggi, maka harga saham yang diterbitkan akan semakin diminati pelabur untuk menambah modal ke syarikat tersebut. Jika harga saham

syarikat semakin rendah, maka harga saham yang diterbitkan tidak diminati oleh pelabur untuk menambah modal ke syarikat tersebut.

### 5.7 Analisis Regresi Linier Berganda

**Tabel 1:** Hasil Pengujian Regresi Linier Berganda

Pembolehubah	Sampel Asli (O)
ROA	0.250
CR	-0.123
DER	0.024
TATO	0.198
PER	-0.004

*Sumber: Data Olahan, 2018*

(a) Koefisien regresi *Return On Assets* ( $X_1$ ) sebanyak 0.250 ertinya jika *Return On Assets* mengalami kenaikan 1, maka koefisien harga saham (Y) akan mengalami peningkatan sebanyak 0.250 dengan andaian pembolehubah bebas lainnya bernilai konstan (0). Koefisien bernilai positif membawa maksud terjadi hubungan positif antara harga saham dengan *Return On Assets*. (b) Koefisien regresi *Current Ratio* ( $X_2$ ) adalah -0.123, ertinya jika *Current Ratio* mengalami kenaikan 1, maka koefisien harga saham (Y) akan mengalami penurunan sebesar -0.123 dengan andaian pembolehubah bebas lainnya bernilai konstan (0). Koefisien bernilai negatif ertinya terjadi hubungan negatif antara harga saham dengan *Current Ratio*. (c) Koefisien regresi *Debt to Equity Ratio* ( $X_3$ ) adalah 0.024, ertinya jika *Debt to Equity Ratio* mengalami kenaikan 1, maka koefisien harga saham (Y) akan mengalami peningkatan sebanyak 0.024 dengan andaian pembolehubah bebas lainnya bernilai konstan (0). Koefisien bernilai positif ertinya terjadi hubungan positif antara harga saham dengan *Debt to Equity Ratio*. (d) Koefisien regresi *Total Assets Turnover* ( $X_4$ ) adalah 0.198, ertinya jika *Total Assets Turnover* mengalami kenaikan 1, maka koefisien harga saham (Y) akan mengalami peningkatan sebanyak 0.198 dengan andaian pembolehubah bebas lainnya bernilai konstan (0). Koefisien bernilai positif ertinya terjadi hubungan positif antara harga saham dengan *Total Assets Turnover*. (e) Koefisien regresi *Price Earning Ratio* ( $X_5$ ) adalah -0.004, ertinya jika *Price Earning Ratio* mengalami kenaikan 1, maka koefisien harga saham (Y) akan mengalami penurunan sebanyak -0.004 dengan andaian pembolehubah bebas lainnya bernilai konstan (0). Koefisien bernilai negatif ertinya terjadi hubungan negatif antara harga saham dengan *Price Earning Ratio*.

### 5.8 Koefisien Determinasi ( $R^2$ )

**Jadual 2:** Hasil Pengujian Koefisien Determinasi ( $R^2$ )

	R Square	Adjusted R Square
Harga Saham	0.145	0.129

*Sumber: Data Olahan, 2018*

Dari jadual 2 dapat dilihat bahawa nilai Adjusted  $R^2$  adalah 0.129 (12.9%) dapat diertikan bahawa peratusan sumbangan *Return On Assets*, *Current Ratio*, *Debt to Equity Ratio*, *Total Assets Turnover*, dan *Price Earning Ratio* terhadap pembolehubah bersandar dapat menjelaskan harga saham sebanyak 12.9%. Baki sebanyak 87.1% dijelaskan atau dipengaruhi oleh pembolehubah lain yang tidak diamati dalam model kajian ini.

## 5.9 Ujian Hipotesis (Uji t)

**Jadual 3:** Hasil Pengujian Hipotesis (Uji t)

Pemboleubah	T <sub>hitung</sub>	Sig.	Hasil
ROA	3.233	0.001 *	Signifikan
CR	3.206	0.001 *	Signifikan
DER	0.628	0.530	Tidak Signifikan
TATO	3.051	0.002 *	Signifikan
PER	0.335	0.738	Tidak Signifikan

Sumber: Data Olahan, 2018; \* signifikan pada 1%

## 5.10 Pengaruh *Return On Assets* Terhadap Harga Saham

Pembolehubah *Return On Assets* dari hasil kajian memiliki pengaruh positif signifikan terhadap harga saham. *Return On Assets* merupakan nisbah yang digunakan untuk membandingkan laba bersih setelah cukai terhadap jumlah aset. Semakin tinggi *Return On Assets* menunjukkan semakin efisien dari operasi syarikat. *Return On Assets* sangat sering digunakan untuk menilai prestasi syarikat kerana ia menunjukkan sejauhmana aset yang dimiliki syarikat diuruskan untuk menghasilkan laba yang akan mempengaruhi peningkatan harga saham dan mampu memberikan pulangan yang sesuai dengan harapan pelabur.

Dari hasil kajian menunjukkan bahawa *Return On Assets* berpengaruh positif signifikan terhadap harga saham. Hasil ini menunjukkan *Return On Assets* yang tinggi boleh mengukur keefisienan dalam mengurus aset syarikat untuk menghasilkan laba. *Return On Assets* yang tinggi tentunya akan memberikan impak positif kepada para pelabur kerana syarikat mampu menghasilkan untung berdasarkan tingkat aset tertentu dan hal ini mampu meningkatkan daya tarik syarikat kepada para pelabur.

Hasil kajian ini sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh Nur'aidawati (2018) dan Suharno (2016) dimana ROA berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham. Namun hasil kajian ini berbeza dengan kajian Valentino dan Sularto (2013) yang menemui ROA tidak berpengaruh signifikan terhadap harga saham.

## 5.11 Pengaruh *Current Ratio* Terhadap Harga Saham

Pembolehubah *Current Ratio* dari hasil kajian memiliki pengaruh positif signifikan terhadap harga saham. *Current Ratio* adalah nisbah yang membandingkan antara aset semasa dan liabiliti semasa. Besarnya *Current Ratio* menunjukkan kemampuan syarikat yang tinggi dalam memenuhi tanggungan liabilitinya. *Current Ratio* yang tinggi menunjukkan jaminan yang lebih baik terhadap hutang jangka pendek dan risiko kecairan yang akan dialami syarikat mahu pun pelabur.

Dari hasil kajian menunjukkan bahawa *Current Ratio* berpengaruh positif signifikan terhadap harga saham. Hal ini menunjukkan *Current Ratio* yang tinggi menunjukkan tidak ada masalah dalam aset cair dan jaminan yang lebih baik terhadap hutang jangka pendek dan risiko kecairan yang akan dialami syarikat mahu pun pelabur. Para pelabur sering menilai semakin besar *Current Ratio* menunjukkan besarnya kemampuan syarikat dalam memenuhi keperluan operasi terutama modal kerja yang sangat penting untuk menjaga prestasi harga

saham. Hal ini dapat memberikan keyakinan kepada pelabur untuk memiliki saham syarikat tersebut sehingga dapat meningkatkan laba syarikat.

Hasil kajian ini tidak ada yang sama dengan kajian yang dilakukan oleh Adipalguna dan Suarjaya (2016) dan Suharno (2016) dimana CR tidak berpengaruh terhadap harga saham. Kajian oleh Rahmadewi dan Abundanti (2018) menemui CR berpengaruh negatif dan tidak signifikan terhadap harga saham.

### **5.12 Pengaruh *Debt to Equity Ratio* Terhadap Harga Saham**

Pembolehkan *Debt to Equity Ratio* dari hasil kajian tidak memiliki pengaruh terhadap harga saham. *Debt to Equity Ratio* menunjukkan struktur permodalan suatu syarikat, merupakan perbandingan antara jumlah hutang dengan ekuiti yang digunakan sebagai sumber pendanaan syarikat. Semakin tinggi *Debt to Equity Ratio* menunjukkan komposisi jumlah hutang (jangka pendek dan jangka panjang) semakin besar.

Dari hasil kajian menunjukkan bahawa *Debt to Equity Ratio* tidak berpengaruh terhadap harga saham. Hasil ini menunjukkan *Debt to Equity Ratio* yang rendah, maka semakin kecil kebergantungan syarikat kepada pihak luar sehingga tingkat risiko syarikat semakin kecil. Pelabur memandang *Debt to Equity Ratio* sebagai besarnya tanggungjawab syarikat terhadap pihak ketiga iaitu kreditor yang memberi pinjaman kepada syarikat. *Debt to Equity Ratio* yang terlalu tinggi memberi kesan buruk dan risiko rugi yang tinggi terhadap syarikat kerana dengan tingkat hutang yang tinggi dan dibebankan kepada pemegang saham, tentu akan meningkatkan risiko pelaburan kepada para pemegang saham, tetapi tingkat pengembalian yang diharapkan juga lebih tinggi pada saat syarikat mendapatkan keuntungan lebih besar. Sebaliknya syarikat dengan nisbah hutang yang rendah atau tidak berisiko besar, namun peluangnya untuk melipat gandakan pengembalian atas ekuiti juga adalah kecil.

Namun hasil kajian ini sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh Suharno (2016) dimana DER tidak berpengaruh terhadap harga saham. Namun hasil kajian ini berbeza dengan kajian yang lakukan oleh Nur'aidawati (2018) dimana DER berpengaruh negatif dan tidak signifikan terhadap harga saham. Sedangkan kajian oleh Hutapea, Saerang dan Tulung (2017) menemukan bahawa DER berpengaruh signifikan terhadap harga saham. Kajian oleh Nugraha dan Sudaryanto (2016) pula menemukan bahawa DER berpengaruh negatif dan berpengaruh secara signifikan terhadap harga saham.

### **5.13 Pengaruh *Total Assets Turnover* Terhadap Harga Saham**

Pembolehkan *Total Assets Turnover* dari hasil kajian memiliki pengaruh positif signifikan terhadap harga saham. *Total Assets Turnover* merupakan perbandingan antara jualan bersih dengan jumlah aset. Semakin tinggi nilai *Total Assets Turnover* membawa maksud pusing ganti aset yang dimiliki oleh syarikat semakin baik, dapat dikatakan dengan jumlah aset yang dimiliki syarikat mampu menjana pendapatan secara efektif dan efisien.

Dari hasil kajian menunjukan bahawa *Total Assets Turnover* berpengaruh positif signifikan terhadap harga saham. Hal ini menunjukkan *Total Assets Turnover* yang tinggi adalah baik, di mana jualan syarikat adalah efektif dan efisien. Semakin besar *Total Assets Turnover* menunjukkan bahawa penjualan meningkat. Dengan demikian harapan untuk memperoleh laba juga diharapkan akan mengalami peningkatan. Jika nilai penjualan dan laba yang diperoleh syarikat meningkat, ini menunjukkan bahawa syarikat memiliki prestasi yang baik. Prestasi syarikat yang semakin baik akan membawa kepada harga saham yang tinggi.

Hasil kajian ini sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh Adipalguna dan Suarjaya (2016) dimana TATO berpengaruh positif signifikan terhadap harga saham dan kajian Hutapea, Saerang dan Tulung (2017) menemukan bahawa TATO berpengaruh signifikan

terhadap harga saham. Namun berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Nur'aidawati (2018) dimana beliau menemukan bahawa TATO berpengaruh positif secara tidak signifikan terhadap harga saham. Walau bagaimanapun, Nugraha & Sudaryanto (2016) dan Suharno (2016) mengatakan bahawa TATO berpengaruh negatif dan berpengaruh secara signifikan terhadap harga saham.

#### **5.14 Pengaruh *Price Earning Ratio* Terhadap Harga Saham**

Daripada kajian, pembolehubah *Price Earning Ratio* tidak memiliki pengaruh terhadap harga saham. *Price Earning Ratio* adalah perbandingan antara harga saham syarikat dengan keuntungan yang diperoleh oleh para pemegang saham. *Price Earning Ratio* menunjukkan besarnya dana yang akan dikeluarkan oleh pelabur untuk memperoleh setiap rupiah laba syarikat. Semakin tinggi nisbah ini menunjukkan bahawa semakin tinggi minat para pelabur dalam menanam modalnya di sesebuah syarikat, sehingga harga saham syarikat tersebut juga akan meningkat.

Dari hasil kajian menunjukkan bahawa *Price Earning Ratio* tidak berpengaruh terhadap harga saham. Ini menunjukkan *Price Earning Ratio* yang rendah akan menyebabkan harga saham menjadi murah sehingga minat para pelabur untuk menanam modal akan berkurang. Walau bagaimanapun, bagi syarikat yang mempunyai *Price Earning Ratio* yang rendah tetapi memiliki prospek pertumbuhan yang baik, berkemungkinan besar harga saham dimasa mendatang akan meningkat. Secara logikanya nilai harga saham yang masih rendah dan disokong oleh prospek perniagaan yang cerah, akan membantu menaikkan *Price Earning Ratio*. Semakin tinggi *Price Earning Ratio* ada kemungkinan harga saham dimasa depan akan menjadi sukar untuk naik lebih tinggi.

Namun hasil kajian ini tidak sama dengan kajian yang dilakukan oleh Rahmadewi dan Abundanti (2018) dan Suharno (2016) dimana PER berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham. Begitu juga dengan hasil kajian oleh Septinus A.P.S (2017) yang menyatakan bahawa PER juga berpengaruh signifikan terhadap harga saham.

### **6.0 Penutup**

Berdasarkan huraian analisis data dan pembahasan hasil kajian, maka dapat disimpulkan bahawa: (1) *Return On Assets* (ROA) berpengaruh positif signifikan terhadap harga saham pada syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di BEI pada tahun 2015-2017. (2) *Current Ratio* (CR) berpengaruh positif signifikan terhadap harga saham pada syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di BEI pada tahun 2015-2017. (3) *Debt to Equity Ratio* (DER) tidak berpengaruh terhadap harga saham pada syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di BEI pada tahun 2015-2017. (4) *Total Assets Turnover* (TATO) berpengaruh positif signifikan terhadap harga saham pada syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di BEI bagi tahun 2015-2017. (5) *Price Earning Ratio* (PER) tidak berpengaruh terhadap Harga Saham pada syarikat Indeks Kompas 100 yang disenaraikan di BEI bagi tahun 2015-2017.

Bagi pihak syarikat Indeks Kompas 100, syarikat yang mempunyai hasil prestasi yang baik harus dipertahankan atau ditingkatkan lagi prestasinya agar harga saham dapat terus meningkat. Syarikat yang mempunyai hasil prestasi yang kurang baik, usaha-usaha untuk meningkatkan prestasi kewangan syarikat perlu dilakukan pada setiap tahun agar persepsi pelabur terhadap prestasi syarikat dapat dijaga dengan baik. Selain itu, syarikat perlu mengambil keputusan yang tepat dalam melakukan urusan jual beli saham di pasaran modal agar memperoleh keuntungan yang maksima atas transaksi perdagangan saham yang dilakukan.



Bagi pihak pelabur, golongan ini diharapkan agar lebih teliti dalam menganalisis prestasi kewangan syarikat untuk menjangkakan harga saham dengan menggunakan nisbah-nisbah yang tepat dan sesuai untuk menilai prestasi suatu syarikat sebelum melakukan pelaburan dalam bentuk saham. Namun juga diharapkan pelabur dapat mempertimbangkan maklumat perakaunan selain nisbah kewangan, misalnya faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi perkembangan saham di pasaran modal.

Bagi pengkaji selanjutnya, golongan ini disarankan untuk menggunakan kajian yang lebih luas cakupannya dengan memasukkan pembolehubah seperti *Return On Equity* (ROE), *Return On Investment* (ROI), *Gross Profit Margin* (GPM), *Earning Per Share* (EPS). Selain itu, kajian boleh menggunakan tempoh data yang lebih panjang dengan tujuan memperoleh hasil yang lebih baik.

## Rujukan

- Abdullah, W., & Jogiyanto, H.M. (2009). *Konsep dan Aplikasi PLS (Partial Least Square) Untuk Penelitian Empiris*. Yogyakarta: Badan Penerbit Fakultas Ekonomi dan Bisnis UGM.
- Adilpalguna, S., & Suarjaya, A. A. G. (2016). Pengaruh Likuiditas, Solvabilitas, Aktivitas, Profitabilitas Dan Penilaian Pasar Terhadap Harga Saham Perusahaan LQ 45 Di BEI. E-Jurnal: Manajemen Unud, 5(12), 7638-7668.
- Brigham, E. F., & Joel, F. H. (2010). *Dasar-Dasar Manajemen Keuangan*. Edisi 10. Buku 1. Jakarta: Salemba Empat.
- Darmadji, T., & Henry, M. F. (2012). *Pasar Modal Di Indonesia*. Edisi Ketiga. Jakarta: Salemba Empat.
- Fahmi, I. (2011). *Analisis Laporan Keuangan*. Lampung: Alfabeta.
- Ghozali, I., & Hengky L. (2012). *Parial Least Square Konsep, Teknik dan Aplikasi Smart PLS 2.0 M3*. Semarang: Universitas Diponegoro.
- Hanafi, M. M., & Abdul, H. (2009). *Analisis Laporan Keuangan*. Edisi Keempat. Yogyakarta: Sekolah Tinggi Ilmu Manajemen YKPN.
- Harahap, S. S. (2013). *Analisis Kritis Atas Laporan Keuangan*. 11th ed. Jakarta: Rajawali Pers.
- Husnan, S., & Enny, P. (2012). *Dasar-Dasar Manajemen Keuangan*. Yogyakarta: UPP STIM YKPN.
- Hutapea, W. A, Saerang, S. I., & Tulung, E. J. (2017). Pengaruh *Return On Assets, Net Profit Margin, Debt to Equity Ratio, Dan Total Assets Turnover* Terhadap Harga Saham Industri Otomotif Dan Komponen Yang Terdaftar Di Bursa Efek Indonesia. *Jurnal: EMBA*, 5(2), 541-552.
- Kasmir. (2010). *Pengantar Manajemen Keuangan*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Kasmir. (2013). *Analisis Laporan Keuangan*. Cetakan Keenam. Edisi 1. Jakarta: Rajawali Pers.
- Munawir. (2012). *Analisa Laporan Keuangan*. Yogyakarta: Liberty.
- Nugraha, R. D., & Sudaryanto, B. (2016). Analisis Pengaruh DPR, DER, ROE, Dan TATO Terhadap Harga Saham. (Studi Kasus Pada perusahaan Industri Dasar Dan Kimia Yang Terdaftar Di BEI Periode 2010-2014). *Jurnal: Manajemen Diponegoro*, 5(4), 1-12.
- Nuraidawati, S. (2018). Pengaruh *Current Ratio* (CR), *Total Asset Turnover* (TATO), *Debt to Equity Ratio* (DER), Dan *Return On Asset* (ROA) Terhadap Harga Saham Dan Dampaknya Pada Nilai perusahaan. *Jurnal: Universitas Pamulang*, 1(3), 70-83.
- Rahmadewi, P. W., & Abundanti, N. (2018). Pengaruh EPS, PER, CR Dan ROE Terhadap Harga Saham Di Bursa Efek Indonesia. E-Jurnal: Manajemen Unud, 7(4), 2106-2133.

- Sartono, A. (2014). *Manajemen Keuangan Teori dan Aplikasi*. Yogyakarta: BPFEE.
- Septinus, A. (2017). Pengaruh Current Ratio, Return On Asset, Debt to Equity Ratio, Dan Price Earning Ratio Terhadap Harga Saham Pada Perusahaan Manufaktur Sektor Industri Barang Komsumsi Yang Terdaftar Di Bursa Efek Indonesia Tahun 2012-2015. *Jurnal: Universitas Nusantara PGRI Kediri, Simki-Economic*, 01(02).
- Suharno. (2016). Pengaruh Rasio Keuangan Terhadap Harga Saham Perusahaan Farmasi Yang Terdaftar Di Bursa Efek Indonesia Tahun 2010-2014. *Jurnal: Universitas Negeri Yogyakarta*, 5(4).
- Sunariyah. (2011). *Pengantar Pengetahuan Pasar Modal*. Edisi Keenam. Yogyakarta: UPP STIM YKPN.
- Tandelin, E. (2010). *Portofolio Dan Investasi*. Yogyakarta: Kanisius.
- Valentino, R., & Lana, S. (2013). Pengaruh Return On Asset (ROA), Current Ratio (CR), Return On Equity (ROE), Debt to Equity Ratio (DER), Dan Earning Per Share (EPS) Terhadap Harga Saham Perusahaan Manufaktur Sektor Industri Barang Komsumsi Di BEI. *Jurnal: Universitas Gunadarma*, 5.